

Bulan Kemerdekaan: PM minta pemilik bangunan pasang lampu

UM 26 JUN 2001

KUALA LUMPUR 25 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta semua pemilik bangunan di ibu negara supaya memasang lampu dalam bangunan sempena sambutan Bulan Kemerdekaan, bulan depan.

Perdana Menteri berkata, selain untuk sambutan kemerdekaan, ia juga bagi menjadikan Kuala Lumpur lebih ceria supaya dapat menarik pelancong.

“Nyalakanlah lampu dalam bangunan hanya untuk satu bulan iaitu mulai 17 Ogos sehingga pertengahan bulan September,” katanya dalam majlis makan malam dan perbincangan dengan pemilik bangunan, kompleks membeli-belah, hotel, peruncit dan syarikat besar di sini malam ini.

“Anda juga boleh menggunakan lampu pelbagai warna dan menghias bangunan mengikut kesukaan masing-masing,” katanya yang mahukan Kuala Lumpur kelihatan seperti New York pada waktu malam.

Beliau berkata, Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah bersetuju untuk memberikan diskaun sebanyak 50 peratus ke atas caj elektrik yang digunakan untuk menyalakan lampu pada waktu malam.

Selain itu, Dr. Mahathir juga menggesa syarikat-syarikat terutama syarikat minyak supaya mengedarkan bendera-bendera secara percuma kepada pemilik kenderaan.

Katanya, jika semua kenderaan memasang Jalur Gemilang, semangat kemerdekaan akan dapat lebih dirasai dan pelancong juga mengetahui bahawa Malaysia sedang merayakan hari kemerdekaannya.

Sementara itu, dalam sesi perbincangan dengan tetamu pada majlis itu, beliau menggesa semua pihak yang terlibat dalam industri pelancongan supaya memberikan kerjasama lebih berkesan bagi memajukan lagi industri tersebut.